

# Zaleha dilantik Peguam Cara Negara Kedua

BH - 12/6/2007

Oleh Azrina Ahzan

**P**UTRAJAYA: Penggubal Undang-Undang Parlimen, Datin Zaleha Yusof (gambar) dilantik Peguam Cara Negara Kedua bagi memperkuatkan urusan pendakwaan dan sivil Jabatan Peguam Negara, berkuat kuasa 1 Jun lalu.

Jabatan Peguam Negara berkata, Zaleha yang pernah menjawat jawatan Pesuruhjaya Penyemakan dan Pembaharuan Undang-Undang dan Penasihat Undang-Undang Terengganu, akan terbabit dalam penyelidikan yang mengambil masa lama berhubung isu semasa yang mempunyai kaitan dengan undang-undang negara serta antarabangsa.

"Pembahagian tanggungjawab ini akan membolehkan Peguam Negara, Tan Sri Abdul Gani Patail memberi fokus kepada pengurusan perundangan bahagian lain di jabatan, iaitu perundangan antarabangsa, perkhidmatan nasihat perunda-



ngan termasuk syariah, pengubalan undang-undang, penyemakan dan pembaharuan undang-undang serta pengurusan jabatan," kata kenyataan yang dikeluarkan, di sini, semalam.

Jawatan Peguam Cara Negara Satu disandang Datuk Idrus Harun sejak 27 April 2006.

Jabatan itu berkata, pelantikan Peguam Cara Negara Kedua itu sesuai dengan tanggungjawab dipikul negara di arena an-

tarabangsa.

"Ini menyebabkan wujudnya keperluan penyelidikan terperinci dibuat terhadap undang-undang sebelum, semasa dan selepas mana-mana perjanjian dan konvensyen antarabangsa yang ditandatangani Malaysia," kata jabatan itu lagi.

Sementara itu, tugas Zaleha sebagai Penggubal Undang-Undang Parlimen diambil alih Timbalannya, Datuk Nor Bee Ariffin, mulai 1 Jun, manakala Penasihat Undang-Undang Perak, Datuk Engku Nor Faizah Engku Atek dilantik Timbalan Penggubal Undang-Undang Parlimen.

Turut terbabit dalam pertukaran jawatan ialah Timbalan Pesuruhjaya Penyemakan dan Pembaharuan Undang-Undang, Hanipah Farikullah yang dilantik Ketua Bahagian Penasihat-Penasihat Utama Persekutuan serta Penasihat Undang-Undang Melaka, Datuk Ilani Mohamad Ibrahim sebagai Timbalan Penggubal Undang-Undang Parlimen Kedua.